

Lembaga Tabung Haji (**TH**) membuka tawaran kepada semua Pengkursus Ibadat Haji Tanah Air (PEKTA) seluruh negara untuk mengikuti pengajian bagi memperolehi Sijil Pembimbing Ibadat Haji (SPIH).

## **PENGENALAN**

SPIH merupakan program usahasama **TH** dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dalam usaha memastikan setiap PEKTA melalui proses pembelajaran berbentuk akademik secara sistematik dan berkesan untuk membimbing jemaah haji.

## **OBJEKTIF PROGRAM**

- Melahirkan Pembimbing Ibadat Haji Tanah Suci (PIHTAS) yang berpengetahuan tinggi di bidang pengajian ibadat haji melalui pembelajaran yang sistematik.
- Menjelaskan hukum-hakam ibadat haji terkini berdasarkan isu-isu dan masalah semasa.
- Menjadi PIHTAS yang berkemampuan mengajar dengan teknik pengajaran yang berkesan.

## **KELAYAKAN**

Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), atau Empat Thanawi, atau yang setaraf dengannya, dan PEKTA yang dilantik oleh Tabung Haji.

## **MASA & TEMPAT PENGAJIAN** (tertakluk kepada pindaan)

28 Mei hingga 2 Jun 2016, bersamaan 21-26 Syaaban 1437H, bertempat di Kampus Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.

## **KOS PENGAJIAN** (termasuk GST)

PEKTA - RM300  
LAIN-LAIN - RM600

(Kos termasuk nota pengajian, penginapan, makan & minum serta pengangkutan dari hotel ke kampus USIM).

## **TARIKH TUTUP TAWARAN**

22 April 2016, bersamaan 15 Rejab 1437H

## **SUBJEK MODUL**

- Profesionalisme Dalam Ibadat Haji
- Kaedah Pengajaran Berkesan
- Sejarah, Falsafah dan Hikmah Ibadat Haji, Rukun Haji, Wajib Haji dan Dam
- Permasalahan Wanita Dalam Ibadat Haji
- Perbezaan Mazhab Dalam Ibadat Haji & Umrah
- Kepimpinan Dakwah & Integriti Dalam Pekerjaan
- Kemahiran Menolong (Kaunseling Asas)
- Komunikasi dan Kemahiran Berunding Dalam Ibadat Haji
- Pengurusan Kesihatan
- Pengurusan Risiko

## **LAIN-LAIN**

Buku rujukan ialah Bahrul Wafi dan Perjalanan Ibadat Haji & Umrah

### **Sebarang pertanyaan sila hubungi:-**

Haji Abdul Halim bin Ayub,  
Jabatan Haji, Lantai 31  
Lembaga Tabung Haji  
201, Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur

Tel: +603 2054 2516  
Faks: +603 2161 4450  
E-emel: halim@lth.gov.my